

# CUEPACS yakin PM ada perancangan terbaik

**Kuala Lumpur:** CUEPACS yakin Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ada perancangan terbaik dalam memastikan kebajikan kakitangan kerajaan sentiasa terjamin di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

Presidennya, Datuk Dr Adnan Mat, berkata kesatuan itu sentiasa terbuka dan menyambut baik apa juga perubahan, termasuk dalam sistem saraan yang digubal setiap 10 tahun, selagi ia membawa kebaikan.

“Asalkan faedah tidak kurang, kami yakin Perdana Menteri mahu beri yang baik tanpa menyentuh kebajikan sedia ada. Kita nak bincang sekarang adalah lantikan bawah SSPA.

“CUEPACS yakin Perdana Menteri akan berikan akal fikiran dan perkenal skim terbaik

untuk penjawat awam, tak akan aniaya penjawat awam yang banyak berjasa kepada negara,” katanya kepada *BH*, semalam.

Dalam kajian sebelum ini, beliau berkata, pada 1992, ada Skim Saraan Baru dimana gaji statik tidak berubah dan pada 2002, beralih kepada Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang mana kerajaan mewujudkan sistem petunjuk prestasi utama (KPI).

Pada 2012 pula, katanya, kerajaan memperkenalkan skim saraan baharu, namun kemudian dimansuhkan dan kini perkhidmatan awam masih menggunakan (SSM) yang bakal digantikan dengan SSPA tidak lama lagi.

“SSPA akan ada pakej sendiri, antaranya lantikan baharu tidak ada pencen, tetapi mungkin ditawarkan pakej lebih baik. Peng-

gunaan bahasa (mansuh pencen) sebelum ini menyebabkan netizen dan penjawat awam terkejut dan memberi maklum balas negatif.

“Lantikan baharu penjawat awam sekarang adalah lantikan interim kerana selepas SSPA berkuat kuasa, barulah mereka akan dilantik secara tetap di bawah skim SSPA, bukan lagi SSM yang sedia ada,” katanya.

## Tak sesuai carum KWSP

Mengenai syor memberi pilihan kepada penjawat awam, sama ada mencarum dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Adnan berkata, jika di bawah SSM, gaji terlalu kecil dan kakitangan kerajaan tidak akan mampu membuat caruman seperti pekerja swasta.

“Bukan tak mahu (caruman

KWSP), tapi gaji terlalu kecil, saya maksudkan penjawat awam bergaji antara RM1,500 hingga RM2,500 dan gaji bersih hanya antara RM1,000 hingga RM1,800 sahaja.

“Jika dinaikkan gaji, sudah tentu kami juga mahu manfaat seperti mana dinikmati pekerja swasta,” katanya sambil memaklumkan, CUEPACS sedang berbincang dengan kerajaan mengenai gaji setimpal dengan skim yang bakal diperkenalkan untuk penjawat awam lantikan baharu.

Adnan berkata, rata-rata penjawat awam berminat membuat caruman KWSP, mempunyai kemampuan untuk memiliki insurans dan caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), namun skim gaji sedia ada tidak membolehkan mereka berbuat demikian.